



Headline: Terperdaya panggilan penyamar, pelajar UMS Labuan kehilangan RM11,450 Language: Malay  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak) Section: Tempatan  
Date: 17 May 2020 Page: 2

## Terperdaya panggilan penyamar, pelajar UMS Labuan kehilangan RM11,450

**LABUAN:** Terperdaya dengan panggilan telefon penyamar pegawai polis IPD Labuan dan penjawat mahkamah Labuan, seorang pelajar perempuan Cina berumur 21 tahun kehilangan RM11,450.00 dalam akaun bank.

Ketua Polis Daerah WP Labuan Supt. Muhamad Farid Haji Ahmad berkata pelajar UMS Labuan itu menerima panggilan daripada dua lelaki penyamar pada 8 Mei 2020 kira-kira jam 6.00 petang.

“Kerana terperdaya dikatakan identiti pelajar digunakan individu lain untuk membuka akaun maka pelajar berkenaan mendedahkan butiran akaun banknya dan nombor pin bagi tujuan siasatan,” kata Farid.

Pelajar tersebut terjerat mendedahkan butiran akaun kerana panik mahu membersihkan namanya yang dikatakan akaun pelajar berkenaan terlibat dengan jenayah dan pengubahan wang haram.

Merasa terjerat dalam penipuan, pelajar berkenaan datang ke Balai Polis Labuan untuk membuat laporan meminta polis menjalankan siasatan.

Farid menjelaskan, kes itu disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun dan dengan sebat dan boleh dikenakan denda.

Farid menasihatkan orang ramai agar berhati-hati apabila menerima panggilan yang memperkenalkan diri sebagai Polis dan Pegawai dari Mahkamah.

Menurut Farid pihak Polis dan Mahkamah tidak akan membuat panggilan bagi tujuan membersihkan nama seseorang daripada sebarang kesalahan jenayah.

“Sebaliknya PDRM akan melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) biasa seperti menjejaki suspek ke rumah dan melaksanakan tangkapan bagi mana-mana kesalahan jenayah,” kata Farid.

Farid menambah pihak berkuasa juga tidak akan meminta suspek memindahkan wang ke akaun tertentu bagi menyelesaikan kesalahan jenayah.